SYARAT, TANGGUNG JAWAB DAN TATACARA PERMOHONAN

THE JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO:MEXT) SCHOLARSHIPS 2025 TEACHER TRAINING

TANGGUNG JAWAB PEGAWAI YANG MEMOHON

1. Pemohon mesti membaca, memahami dan memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam dokumen **Application Guidelines Japanese Government (Mext) Scholarship For 2025 (Teacher Training Students)** yang disediakan oleh pihak penganjur. Syarat utama daripada penganjur adalah seperti berikut:

    a. Pemohon mestilah di bawah umur 35 tahun pada 1 April 2025 (dilahirkan pada atau selepas 2 April 1990).

    b. Pemohon mestilah siswazah daripada universiti atau Institut Pendidikan Guru yang telah bekerja sebagai guru di sekolah rendah atau menengah atau staf akademik di Institut Pendidikan Guru dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja.

    c. Pemohon mestilah mahir dalam Bahasa Inggeris dan berkebolehan untuk belajar Bahasa Jepun.

2. Pemohon perlu memenuhi syarat tambahan berikut:

    a. Bebas daripada prosiding dan tindakan tatatertib atau jenayah;

    b. Tidak menerima Cuti Separuh Gaji atau Cuti Tanpa Gaji dalam tiga (3) tahun ke belakang (2022, 2023 dan 2024)

    c. Mencapai purata sekurang-kurangnya 85% untuk Markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dalam tiga (3) tahun ke belakang (2021, 2022 dan 2023)

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

3. Ketua Jabatan dinasihatkan untuk membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat yang ditetapkan di . Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menyokong/ memberi pelepasan kepada pegawai yang bersesuaian dan berkelayakan sahaja berdasarkan syarat yang ditetapkan sahaja. Pada masa yang sama, Ketu Jabatan juga dikehendaki memaklumkan pegawai berhubung status permohonan masing-masing sama ada disokong / dilepaskan atau sebaliknya.

4. Ketua Jabatan perlu melengkapkan dan mengesahkan maklumat perkhidmatan pegawai, dan seterusnya menandatangani ruangan perakuan Ketua Jabatan dalam borang permohonan. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/ dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.

TATACARA PERMOHONAN DAN PENGHANTARAN DOKUMEN PERMOHONAN

1. Permohonan mesti dibuat melalui pautan **https://bit.ly/MEXTTeacher2025** sahaja.

2. Pemohon mesti mengikut arahan **yang diberikan dalam pautan** tersebut sepenuhnya termasuk membaca dokumen permohonan, memuat turun dan mengisi borang selengkapnya serta mengemukakan dokumen permohonan dalam tempoh yang ditetapkan.Dokumen permohonan yang dikemukakan mestilah lengkap, mematuhi jumlah salinan yang diperlukan dan disusun mengikut turutan yang ditetapkan.

3. Dokumen permohonan hendaklah dikemukakan dalam *hardcopy* sahaja melalui pos, kurier atau serahan tangan kepada urus setia di alamat:

   Urus Setia MEXT Teacher 2025,
   Unit Komunikasi, Hubungan Antarabangsa dan Pendokumentasi,,
   Bahagian Profesionalisme Guru,
   Kementerian Pendidikan Malaysia,
   Aras 6, Blok E13, Kompleks E,
   62604 PUTRAJAYA Wilayah Persekutuan Putrajaya

   Tel: **03-8884-1118/ 1080** atau e-mel **bpg.ukhap@moe.gov.my**

4. Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan oleh urus setia adalah pada hari **Rabu, 5 Februari 2025** pukul **4.30 petang**.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh diajukan kepada **Unit Komunikasi, Hubungan Antarabangsa dan Pendokumentasi, Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia** di talian **03-8884-1118 / 1080** atau e-mel **bpg.ukhap@moe.gov.my**.